

12 APR, 2020

65,000 peniaga kecil bakal terima BKSS

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

- Kos keseluruhan ditanggung Kerajaan Sarawak berjumlah RM98.4 juta

65,000 peniaga kecil bakal terima BKSS

ZARINA ABDULLAH

KUCHING: Para peniaga kecil dan penjaja di Sarawak yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh menarik nafas lega dengan adanya pemberian Geran Khas Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS) berjumlah RM1,500 oleh Kerajaan Sarawak.

Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg berkata, geran khas itu akan memberi manfaat kepada lebih daripada 65,000 peniaga kecil dan penjaja di seluruh Sarawak.

"Pemberian itu akan dibayar kepada usahawan yang berkelayakkam melalui akaun Sarawak Pay dalam dua fasa dengan kos keseluruhan geran adalah ditanggung oleh Kerajaan Sarawak ini berjum-

lah RM98.4 juta.

"Bagi penjaja dan peniaga kecil yang layak menerima bantuan tetapi tidak mempunyai akaun Sarawak Pay, mereka boleh memohon dan ia sangat mudah.

"Hanya gunakan telefon pintar anda untuk memuat turun Sarawak Pay App melalui Apple Store atau Google Play Store dan permuhan dilakukan secara dalam talian dengan mengisi maklumat yang diperlukan, tekan butang hantar dan tunggu pembayaran dikreditkan ke dalam akaun anda," katanya.

Abang Johari berkata demikian pada sidang media khas pengumuman Paket BKSS 2.0 bertempat di Wisma Bapa Malaysia, semalam.

"Saya dimaklumkan bahawa lebih 15,000 peniaga di seluruh Sarawak telah me-

nerima pembayaran melalui Sarawak Pay dan hampir semua pasar raya terkenal di seluruh Sarawak, seperti Everise, Everwin, H & L, LePaPa, Ta-Kiong, E-Mart, BS, Pasar CS, Unaco dan Doremon di Sarikei dan Pasar Mini Hong Guan di Kapit menerima Sarawak Pay.

"Oleh itu, saya menggalakkan semua orang melakukan pembelian tanpa tunai dan membantu kerajaan untuk meminimumkan transaksi secara tunai, yang mana ia mengurangkan kemungkinan pemindahan virus Covid-19 selain aplikasi ini turut memberikan pulangan tunai untuk semua urus niaga anda.

"Sebagai contoh, Laksa Sarawak Ani di Kampung No.6 di sini kini menerima pembayaran melalui Sarawak

Pay. Beliau juga menggunakan Sarawak Pay untuk membeli bahan-bahan untuk laksamana di pasar raya berhampiran dan menerima bayaran balik bagi urus niaga beliau," jelasnya.

Beliau menambah, setakat ini, terdapat lebih 250,000 pengguna Sarawak Pay dan ia semakin berkembang dan berharap suatu hari nanti semua rakyat Sarawak akan melakukan pembayaran tanpa tunai.

"Bagaimanapun, kerajaan tidak melupakan mereka yang berada di luar liputan internet dan mungkin tidak mempunyai akses mudah ke Sarawak Pay terutamanya peniaga kecil berdaftar dengan FAMA dan Jabatan Pertanian (DOA) di kawasan luar bandar, mereka akan diberi baucar tunai yang mana

**DATUK Patinggi Abang Johari Tun Openg**

mereka boleh mendapatkannya di Pejabat Residen yang berdekatan," ujarnya.

Abang Johari menjelaskan, bagi peniaga dan penjaja yang belum berdaftar dengan PBT, beliau me-

ngesyorkan supaya mereka berbuat demikian dan akan dipertimbangkan untuk memberi bantuan yang sama sekali gus memudahkan kerajaan menyalurkan bantuan kepada mereka nanti.

12 APR, 2020

65,000 peniaga kecil bakal terima BKSS

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

- Kos keseluruhan ditanggung Kerajaan Sarawak berjumlah RM98.4 juta

KUCHING: Para peniaga kecil dan penjaja di Sarawak yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh menarik nafas lega dengan adanya pemberian Geran Khas Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS) berjumlah RM1,500 oleh Kerajaan Sarawak. Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg berkata, geran khas itu akan memberi manfaat kepada lebih daripada 65,000 peniaga kecil dan penjaja di seluruh Sarawak.